

POIC Lahad Datu diiktiraf pelabuhan tender

Larry Ralon

KOTA KINABALU: Industri minyak sawit Sabah menerima suntikan dengan pengiktirafan Kluster Industri Minyak Sawit Lahad Datu (POIC) sebagai pelabuhan tender (tender port) minyak sawit.

Status itu bukan saja bermakna pengiktirafan pelabuhan tambahan dan kemudahan pukat di Lahad Datu, tetapi juga memberi faedah secara langsung kepada penjual dan pembeli minyak sawit, di samping mengangkat profil bandar pantai timur dalam peta minyak makan global.

“Ia akan memudahkan pembangunan industri hiliran minyak sawit... Menjana pelaburan baharu dan peluang pekerjaan di pantai timur Sabah,” kata Ketua Menteri Datuk Seri Shafie Apdal.

Beliau merasmikan acara tiga dalam satu: Pelancaran pemasangan pukat POIC yang terletak di POIC Lahad Datu; penamaan POIC Lahad Datu sebagai pelabuhan tender (iaitu pusat penghantaran); dan penandatanganan perjanjian perkhidmatan antara POIC Sabah Sdn Bhd dan Asia Pacific Exchange Pte Ltd (APEX) – diadakan di Shangri-La’s Tanjung Aru Resort and Spa, di sini, Selasa.

APEX merupakan sebuah bursa komoditi yang berpangkalan di Singa-

pura. Ia akan berdagang dalam minyak sawit mentah (CPO) dan niaga hadapan olein sawit RBD (Refined Bleached Deodorised) yang dihantar melalui kemudahan penyimpanan di POIC Lahad Datu.

Tangki-tangki ini, dengan kapasiti 20,000 tan, terletak berdekatan jeti minyak.

Mohd Shafie berkata salah satu faedah segera bagi Sabah adalah pengurangan apa yang dikenali sebagai ‘diskaun Sabah’ ke atas CPO Sabah oleh APEX daripada USD20-30 kepada USD10.

“(Dengan itu) minyak sawit yang dihantar dari Lahad Datu akan menjadi antara yang paling murah antara lima pelabuhan tender APEX, dan termasuk Pasir Gudang, Pelabuhan Klang di Semenanjung Malaysia dan Dumai Belawan di Indonesia.

“Harga lebih rendah, kelebihan logistik, lokasi POIC dan kedudukan penting Sabah sebagai pengeluar minyak sawit dan jarak dekatnya dengan wilayah pengeluar minyak sawit yang lain akan sama-sama menaikkan profil Sabah sebagai sebuah destinasi ideal pelaburan berkaitan minyak sawit,” kata Ketua Menteri.

Mohd Shafie juga meramalkan peranan lebih luas bagi Sabah dalam sektor minyak sawit disebabkan jarak dekat

negeri ini dengan China dan India, dua negara pengimport minyak sawit yang semakin penting kepada Malaysia.

“Kemungkinan yang ditawarkan di bawah platform baharu ini termasuk lebih banyak pembeli CPO dan olein sawit RBD dari China, membuka pasaran India untuk CPO dan olein sawit Sabah, menarik aliran minyak sawit dari negara-negara jiran kita, dan mengeluarkan hasil lebih tinggi kepada penjual dan pengeluar minyak sawit tempatan di Sabah,” katanya.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, platform dagangan APEX itu akan memanfaatkan pemain minyak sawit Sabah dalam menyediakan mekanisme lindung nilai, penanda aras harga, akses kepada maklumat mengenai pergerakan harga komoditi, lebih banyak pilihan dalam pasaran komoditi fizikal, serta alat dan pengurusan portfolio yang lebih baik untuk pasaran minyak makan.

“Platform APEX akan mengukuhkan hubungan Sabah dengan pasaran Asia-Pasifik lebih luas dan membantu menempatkan kita dalam peta perdagangan global.

“Dengan hubungan lebih baik dan pendedahan lebih besar, kami berharap untuk menarik lebih banyak industri

dan pelaburan ke Sabah.

“Semua itu penting bukan saja untuk membawa masuk pembangunan perindustrian baharu khususnya di pantai timur Sabah, tetapi juga memudahkan matlamat lebih besar iaitu mendorong pengindustrian Sabah menjelang 2030,” kata Tangau, yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Pengerusi POIC Sabah.

Mencipta pekerjaan dan peluang perniagaan adalah amat penting bagi Sabah dan menggunakan sumber-sumber negeri dan kelebihan komparatif adalah penting dalam usaha itu, tambahnya.

Dengan menamakan dagangan depan berpangkalan di Lahad Datu dalam Dolar AS, APEX menangani hasrat pedagang untuk mengurangkan risiko matawang, dan mengiktiraf peningkatan perdagangan minyak sawit dalam matawang AS, kata Pengerusi APEX, Eugene Lee.

“APEX akan dapat menghubungkan pasaran tempatan Sabah kepada pasaran China yang besar, kerana APEX selama ini dan selalu akan menjadi penghubung antaranya,” kata beliau.

Kira-kira 150 tetamu menghadiri acara itu termasuk eksekutif kanan APEX, pegawai atasan syarikat-syarikat minyak sawit di Sabah serta pegawai kanan kerajaan.